

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERUSAHA ENCIK HAMZAH BIN MOHAMAD
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

DI DALAM

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MENDAKI BUKIT GONDOL DAN
PLOGGING DI PANTAI PUGU, LUNDU, SARAWAK SEMPENA
SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2020**

14 MAC 2020 (SABTU)

PERMATA PUGU CAMPING SITE, LUNDU, SARAWAK

Hadirin sekalian

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana petang ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Program Mendaki Bukit Gondol Dan Plogging Di Pantai Pugu, Lundu, Sarawak Sempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2020 ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Bintulu Port Holdings Berhad selaku rakan kerjasama di dalam penganjuran program pada kali ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada penduduk Kampung Pugu, pensyarah dan pelajar-pelajar Politeknik Kuching Sarawak, pihak Majlis Daerah Lundu serta wakil agensi kerajaan yang memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar.

Hadirin Sekalian

3. Untuk makluman, penganjuran program ini adalah sempena Sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia. Tahun 2020 ini juga merupakan ulang tahun Sambutan Hari Bumi yang ke 50 dengan tema "*Climate Action*" di mana perubahan iklim atau *climate change* merupakan cabaran terbesar ke atas masa depan manusia dan bumi. Sambutan Hari Bumi 2020 ini akan menjadi peristiwa bersejarah sekiranya semua penduduk di bumi bersatu dalam menangani krisis perubahan iklim ini demi mendapatkan masa depan *zero carbon*.

Hadirin sekalian,

4. Pantai semulajadi yang begitu bersih telah tercemar oleh sampah sarap dan bahan buangan terutamanya sisa plastik yang tidak mudah diurai secara semulajadi dan mendatangkan masalah kepada organisma laut, burung-burung dan manusia. Kebanyakan sisa plastik seperti beg plastik dan pembungkus barangan hanya digunakan sekali sahaja (*single-use-plastic*) sebelum dilupuskan di tapak pelupusan sampah atau dibuang secara tidak beretika ke alam sekitar yang kemudiannya memasuki sungai terus ke laut.

Hadirin sekalian,

5. Antara usaha yang boleh diambil bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna adalah, mengurangkan atau menghentikan penggunaan *single-use-plastic* seperti botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik/ beg plastik dan straw plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam. Penjagaan pantai kita sebenarnya terletak dalam tangan saya dan anda.

Hadirin sekalian,

6. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua peserta terutamanya kepada Bintulu Port Holdings Berhad. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan dan memperluaskan kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat khususnya di Sarawak. Sehubungan itu, sukacitanya saya dengan lafaz “BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM” merasmikan Program Mendaki Bukit Gondol Dan Plogging Di Pantai Pugu, Lundu, Sarawak Sempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.